



KENYATAAN MEDIA

PROGRAM PELEPASAN SEJUTA BENIH IKAN DI TASIK KENYIR, TERENGGANU TAHUN 2021

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menganjurkan **Program Pelepasan Benih Ikan ke Perairan Umum di Sungai Leban, Tasik Kenyir pada 6 Mac 2021 (Sabtu)**. Program dimulakan dengan tinjauan ke Galeri Pameran Perikanan Darat di Pusat Penerangan Kenyir (PPK), Pengkalan Gawi.
2. Sebanyak **RM1 Juta** telah diperuntukkan khusus untuk pembangunan dan pemuliharaan sumber perikanan darat mampan melalui pengkayaan sumber dan habitat, pemantauan ekosistem serta penubuhan kawasan konservasi perikanan darat.
3. Program Pelepasan Benih di Tasik Kenyir pada **tahun 2020** merekodkan sebanyak **935,460** benih pelbagai spesies iaitu kelah, temoleh, sebarau, lampam sungai, terbul, baung dan udang galah telah dilepaskan bernilai **sebanyak RM550,460** secara berperingkat bermula pada Julai hingga November 2020.
4. Bagi tahun 2021, sebanyak **5,000** ekor benih lampam sungai bernilai **RM10,000**, telah dilepaskan ke Sg. Leban, Tasik Kenyir. Pelepasan ini telah dibuat pada **2 Februari 2021**.
5. Pada **6hb Mac 2021**, Jabatan telah melepaskan pelbagai spesies ikan seperti kelah, baung, lampam sungai dan udang galah yang bernilai **RM379,668**. Kesemua benih dilepaskan di tiga lokasi di Sg. Leban yang diperolehi dari Pusat Pengembangan Akuakultur (PPA) Jabatan Perikanan dan perolehan dari pusat swasta.

6. Bagi menilai keberkesanan program pelepasan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021, Jabatan bercadang untuk **mengadakan kajian inventori di Sg. Leban pada pertengahan tahun 2021**. DOF berharap program ini akan dapat mencapai objektif bagi meningkatkan stok ikan air tawar di perairan berkenaan.
7. Pelepasan Benih Ikan ke Tasik Kenyir **disempurnakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 2, Dato' Haji Che Abdullah Bin Mat Nawi**. Ia bertujuan bagi meningkatkan stok ikan perikanan darat dan sumber perikanan darat dalam menjamin bekalan makanan. Ia juga bagi meningkatkan sosio-ekonomi nelayan darat di sungai dan juga tasik.
8. Program Pelepasan Sejuta Benih Ikan di Tasik Kenyir tahun ini merupakan program Jabatan Perikanan Malaysia dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH).

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

6 Mac 2021 (Sabtu) jam 10:00 pagi

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 019-381 7402 (Ahmad Faizal)

012-664 9570 (Aqilah)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my